

# Tingkat penguatkuasaan jamin harga barang tidak naik

semua maklum kerajaan akan melaksanakan sistem cukai barang dan perkhidmatan (GST) bermula 1 April 2015 pada kadar 6 peratus. Ketika pengumuman GST ketika pembentangan Bajet 2014, kerajaan telah mencadangkan beberapa jenis barangan makanan dan perkhidmatan asas yang tidak akan dikenakan dengan GST.

Melalui maklum balas pelbagai lapisan masyarakat, kerajaan melalui proses pembentangan Bajet 2015 pada minggu lalu juga telah bersetuju meluaskan skop barangan keperluan asas yang tidak dikenakan GST. Antaranya, semua buah-buahan tempatan dan diimport, roti putih dan wholemeal, serbuk kopi, teh dan koko, mi kuning, kué tiau, laksas dan bahun serta hampir 2,900 jenama ubat.

Ubat ini adalah bagi kegunaan rawatan 30 jenis penyakit termasuk sakit jantung, kencing manis, darah tinggi, kanser dan rawatan kesuburan. Begitu juga bahan bacaan seperti buku mewarna kanak-kanak, buku latihan dan rujukan, buku teks, kamus dan kitab agama dan surat khabar.

## Jaminan harga barang tidak naik

Melalui sistem percukaian GST ini, rakyat Malaysia boleh menikmati barangan dan perkhidmatan yang lebih murah. Cuma, masih ada berasa kurang selesa dengan jaminan yang diberikan untuk tidak menaikkan harga barang terutama harga barangan keperluan asas kerana ada pihak yang masih tidak memahami serta keliru dengan konsep GST ditambah dengan segala tohmahan terhadap GST oleh pihak tertentu melalui media sosial seperti facebook.

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: [bhforum@](mailto:bhforum@)

Ramai rakyat juga sudah lali dan bosan dengan isu kenaikan harga barang, setiap kali ada pengumuman kenaikan sesuatu barangan serta pengenalan sesuatu percukaian baru. Ini ditambah dengan kewujudan segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab yang akan mengambil peluang terhadap isu pengenalan GST serta isu lain berkaitan untuk menaikkan harga barang keperluan asas sesuka hati.

Ada juga sudah risau dengan kehadiran golongan peniaga bersikap tamak haloba yang akan memasang jerat dan teknik untuk meningkatkan harga barang terutama selepas pengenalan GST nanti. Oleh yang demikian adalah penting untuk kerajaan untuk terus memberi maklumat mengenai sistem GST yang akan dilaksanakan.

## Kuat kuasa perundangan berkaitan pengguna

Kerajaan juga hendaklah menguatkuasakan segala peruntukan yang ada bagi memastikan tiada pihak



Buah-buahan tempatan dan yang diimport tidak dikenakan GST pada tahun depan.

[FOTO HIASAN]

yang akan mengambil peluang untuk menaikkan harga barang dengan sesuka hati seperti yang diperuntukkan melalui Akta Kawalan Harga & Antipencatutan 2011 (Akta 723). Pelaksanaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, yang berkuat kuasa pada tahun 2010 yang lalu dalam banyak hal boleh bertindak sebagai penghalang kepada mana-mana peniaga menaikkan harga secara sewenang-wenangnya.

Dengan adanya penguatkuasaan yang berterusan Akta 723 terbabit, tindakan boleh diambil. Di bawah Akta 723 itu, pertubuhan yang ingkar boleh didenda

sehingga RM500,000 atau dikompau sehingga RM250,000, manakala individu yang didapati bersalah boleh didenda sehingga RM100,000, dipenjarakan tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompau sehingga RM50,000.

Selain daripada peruntukkan undang-undang, pihak yang berkaitan dengan isu penguatkuasaan kawalan harga barang seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan (KPDNKK), persatuan pengguna seperti Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), dan lain-lain serta masya-

rakat keseluruhannya hendaklah terus bekerjasama bagi memastikan harga barang terutamanya barangan keperluan asas adalah sentiasa terkawal.

Kerajaan juga perlu mengedarkan 'shoppers' guide' bagi membolehkan pengguna membuat perbandingan sendiri mengenai harga sebelum dan selepas pelaksanaan GST seperti yang diumumkan melalui pembentangan Bajet 2015.

**Dr Muzaffar Syah Mallow,**  
Pensyarah Kanan,  
Fakulti Syariah & Undang-Undang,  
Universiti Sains Islam Malaysia